



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 16 TAHUN 2009

**KEMUDAHAN CUTI BERSALIN KEPADA PEGAWAI
BUKAN WARGANEGARA YANG DILANTIK SECARA KONTRAK
(CONTRACT OF SERVICE)**

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan penambahbaikan kepada kemudahan Cuti Bersalin bagi pegawai bukan warganegara yang dilantik secara kontrak mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008 – Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Kontrak (Contract Of Service) [PP 2/2008].

LATAR BELAKANG

2. PP 2/2008 telah memperuntukkan kemudahan Cuti Bersalin (bergaji penuh) diberikan kepada pegawai kontrak warganegara. Manakala bagi pegawai kontrak bukan warganegara, mereka diberi kemudahan Cuti Bersalin secara tanpa gaji tidak melebihi 60 hari setelah menghabiskan kesemua Cuti Rehat yang pegawai berkecukupan. Kemudahan Cuti Bersalin secara tanpa gaji ini terhad kepada lima (5) kali sepanjang tempoh perkhidmatan kontrak dengan kerajaan.

3. Selaras dengan perkembangan semasa, peraturan mengenai pemberian kemudahan Cuti Bersalin kepada pegawai kontrak bukan warganegara telah dikaji semula.

PERATURAN BARU

4. Kerajaan telah memutuskan supaya kemudahan Cuti Bersalin (bergaji penuh) boleh diberi kepada pegawai kontrak bukan warganegara sebanyak lima (5) kali sepanjang tempoh perkhidmatan mereka dengan kerajaan.

PELAKSANAAN

5. Dalam melaksanakan pemberian kemudahan Cuti Bersalin kepada pegawai kontrak bukan warganegara, Ketua Jabatan hendaklah mengambil kira perkara berikut:-

- (i) pegawai yang belum menggunakan kemudahan Cuti Bersalin secara tanpa gaji sebelum berkuat kuasanya Surat Pekeliling Perkhidmatan ini layak diberi kemudahan Cuti Bersalin (bergaji penuh) sebanyak lima (5) kali sepanjang tempoh perkhidmatan dengan kerajaan;
- (ii) pegawai yang belum menghabiskan lima (5) kali kemudahan Cuti Bersalin secara tanpa gaji sebelum berkuat kuasanya Surat Pekeliling Perkhidmatan ini hanya layak diberi kemudahan Cuti Bersalin (bergaji penuh) berdasarkan baki jumlah kemudahan yang pegawai berkecualan sepanjang tempoh perkhidmatan dengan kerajaan; dan
- (iii) pegawai yang sedang menggunakan Cuti Bersalin secara tanpa gaji sebelum Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa akan terus tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan dalam perenggan 54.5(iv) dalam PP 2/2008 iaitu Cuti Bersalin secara tanpa gaji tidak melebihi 60 hari setelah menghabiskan kesemua Cuti Rehat yang pegawai berkecualan. Pegawai boleh dipertimbangkan

kemudahan Cuti Bersalin (bergaji penuh) bagi tujuan bersalin berikutnya sekiranya masih berkelayakan.

PEMAKAIAN

6. Semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah menerima pakai Surat Pekeliling Perkhidmatan ini supaya keputusan kerajaan berkaitan dengan pemberian kemudahan Cuti Bersalin kepada pegawai kontrak bukan warganegara dapat dikuatkuasakan dengan seragam.


PEMBATALAN

7. Dengan berkuat kuasanya Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, perenggan 54.5(iv) dalam PP 2/2008 adalah dibatalkan.

TARIKH KUAT KUASA

8. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2010.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI ISMAEL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

24 Disember 2009

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan